

01 AUG 1999

MIC-Mandat

SAMY VELLU DAPAT 'MANDAT BARU' MENERAJUI MIC KE ALAF BARU

Oleh E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Perhimpunan Agung MIC ke 53 berakhir hari ini dengan presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu mendapat "mandat baru" untuk menerajui MIC ke alaf baru.

Walaupun ia bukan tahun pemilihan bagi MIC, para pemerhati berkata 1,350 perwakilan menyatakan taat setia dan sokongan tidak berbelah bahagi mereka kepada Samy Vellu untuk membuktikan beliau masih mempunyai sokongan kuat dalam parti dan beliaulah pemimpin masyarakat India.

Para perwakilan berpendapat "mandat baru" itu perlu kerana MIC baru-baru ini menerima kritikan daripada beberapa pertubuhan masyarakat India khasnya berhubung pembubaran Tabung Pekerja India Selatan.

Pertubuhan-pertubuhan itu mengecam kepemimpinan MIC kerana gagal menghentikan pembubaran tabung itu yang diwujudkan oleh British pada 1958 untuk membantu pekerja-pekerja dari selatan India pulang selepas tamat bekerja di ladang-ladang getah di negara ini.

Sementara menerima sebulat suara keputusan kerajaan untuk membubarkan tabung itu, kebanyakan perwakilan dari generasi tabung itu ditubuhkan 41 tahun lepas menyeru pertubuhan-pertubuhan India yang membantah pembubaran itu, supaya menerima pembubarannya.

Tabung itu menjadi tumpuan debat dengan para perwakilan meminta kepimpinan MIC supaya memastikan satu institut dibina atas tanah milik tabung itu di Nibong Tebal, Pulau Pinang untuk digunakan sepenuhnya oleh masyarakat India.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berjanji untuk membawa perkara itu kepada Kabinet.

Seorang perwakilan daripada sayap pemuda parti itu juga mencadangkan yang Samy Vellu dipilih semula tahun depan tanpa pertandingan walaupun para perwakilan berpendapat resolusi seperti itu tidak diperlukan.

Sebagai reaksi segera, Timbalan Presiden MIC Datuk S.Subramaniam yang bertanding dan tewas kepada Samy Vellu bagi jawatan tertinggi pada 1989, berjanji tidak akan mencabar presiden parti itu tahun depan.

Perhimpunan agung dua hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga meluluskan beberapa pindaan pada perlembagaan parti, termasuk membolehkan penyertaan lebih luas kepada wanita.

Anggota Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC) Datuk M.Mahalingam yang membentangkan pindaan itu, menyebabkan para perwakilan ketawa apabila beliau membayangkan MIC mempunyai seorang presiden wanita pada 2010.

Di bawah pindaan itu, sayap Wanita akan melantik dua wakil ke CWC. Buat masa ini hanya ketua Wanita, yang dilantik oleh presiden secara automatik menganggotai CWC.

Pergerakan Wanita juga akan mempunyai bilangan wakil yang lebih banyak lagi di perhimpunan-perhimpunan akan datang dari 15 sekarang ke 35. Perkara yang sama juga berlaku pada sayap pemuda.

Ketua Wanita Sarasa Pasamanickam berkata yang wanita merupakan hampir separuh daripada jumlah anggota parti dan pengaruh mereka tidak boleh dipandang ringan.

"Ia menunjukkan yang kepimpinan MIC mengiktiraf peranan kami dalam parti dan mahukan perwakilan yang adil," katanya.

Para perwakilan juga membidas penyokong pembangkang, khasnya mereka daripada masyarakat India yang mendapat pembiayaan daripada MIC untuk melanjutkan pengajian tetapi menyertai Parti Keadilan Nasional (Keadilan)

dan mengutuk MIC pula.

PAS juga dibidas kerana cadangannya untuk melarang pengambilan wanita rupawan sebagai kakitangan di jabatan dan agensi kerajaan negeri Kelantan atas alasan wanita seperti itu boleh mendapat dengan suami yang kaya sementara yang kurang rupawan pula memerlukan pekerjaan untuk menyara diri.

Dalam kata-kata penutupnya, Samy Vellu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana mengiktiraf MIC sebagai satu-satunya parti bagi mewakili masyarakat India.

Samy Vellu memuji para perwakilan kerana menumpukan perhatian mereka kepada isu-isu penting yang dihadapi oleh masyarakat India.

Beliau memberitahu pemberita kemudian yang perhimpunan kali ini yang 'paling berjaya' sejak 20 tahun beliau menjadi pemimpin MIC.

Para pemerhati berkata, bukan seperti perhimpunan-perhimpunan sebelum ini dan kali ini para perwakilan memutuskan untuk mengelakkan isu-isu "remeh" seperti meminta lebih banyak rancangan-rancangan Tamil di televisyen.

Para perwakilan menamatkan perhimpunan itu dengan menjanjikan sokongan dan majoriti dua pertiga bagi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA

ES PR

01/08/99 17-42MST